



JURNAL LINGUISTIK Vol. 21 (1) Jun.2017 (014-028)

Kata Pemer *Ialah* dan *Adalah*: Analisis Pragmatik

Khairul Taufiq Abu Bakar
taufiq_urasmi@yahoo.com.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

Nor Hashimah Jalaluddin
shima@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menilai semula gelagat penggunaan sebenar kata pemer *ialah* dan *adalah*. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat segelintir ahli bahasa yang menyatakan bahawa penggunaan kata pemer amat terbatas dan tidak kurang juga ada antara mereka yang tidak menggalakkan penggunaannya. Apa yang pasti, pendapat atau dakwaan tersebut ternyata dipengaruhi oleh jenis data yang digunakan oleh mereka semasa menghuraikan tatacara penggunaan kata pemer dalam binaan ayat bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, bagi membuktikan kesahihan pendapat atau dakwaan tersebut, pembuktian daripada data korpus sememangnya perlu dilakukan. Sehubungan dengan itu, pembuktian tersebut akan dilakukan dengan menggunakan data sebenar yang dijana daripada pangkalan data korpus lima juta UKM-DBP yang kontemporari dan autentik sifatnya. Walau bagaimanapun, data yang digunakan dalam kajian ini hanya melibatkan data yang diambil daripada subkorpus akhbar, iaitu akhbar *Berita Harian* yang dijana dengan menggunakan perisian *Wordsmith Tools 5.0*. Hasil daripada proses penelitian data yang dilakukan berjaya membuktikan bahawa penggunaan kata pemer ternyata semakin meluas dan produktif. Hakikatnya, analisis pragmatik yang menerapkan teori relevans turut berjaya membuktikan bahawa kata pemer *ialah* yang pada asasnya hanya boleh hadir di hadapan frasa nama sebenarnya boleh juga hadir di hadapan frasa kerja, frasa adjektif, frasa sendi nama, dan klausa kecil. Begitulah juga halnya dengan kata pemer *adalah* yang pada asasnya hanya boleh hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama tetapi dapatan daripada analisis pragmatik yang menerapkan teori relevans ini berjaya membuktikan bahawa kata pemer *adalah* boleh juga hadir di hadapan frasa nama, frasa kerja, dan klausa kecil. Seterusnya, usaha pemerihal semula kata pemer sememangnya perlu dilakukan oleh ahli-ahli bahasa terutamanya ahli-ahli bahasa yang menghasilkan buku nahu pegangan. Hal ini dikatakan demikian kerana dapatan daripada kajian lanjutan ini berjaya membuktikan bahawa gelagat penyimpangan (anomali) penggunaan kata pemer yang selama ini sentiasa menimbulkan konflik atau pertikaian dan seterusnya dianggap sebagai salah dan tidak gramatis sebenarnya tidak menimbulkan sebarang masalah kepada sistem nahu atau tatabahasa bahasa Melayu. Sebaliknya, aspek yang menimbulkan masalah kepada sistem nahu atau tatabahasa bahasa Melayu sebenarnya berpunca daripada kepelbagaian huraian yang berkaitan dengan tatacara penggunaan kata pemer yang dikemukakan oleh ahli-ahli bahasa itu sendiri. Oleh hal yang demikian, dengan adanya penerapan teori linguistik dan penjanaan data sebenar daripada pangkalan data korpus berkomputer, diharapkan kajian ini mampu menyumbang kepada perkembangan bidang ilmu linguistik Melayu di Malaysia.

Kata Kunci: Kata pemer *ialah*, kata pemer *adalah*, korpus, anomali, tatabahasa bahasa Melayu.

Abstract

This study was conducted in order to evaluate the use of *kata pemer ialah* and *adalah*. This is due to the reason that there are some Malay linguists assert that the use of *kata pemer* is limited to certain context only and to one extent, *kata pemer* is not encouraged to be used. It is learned that these claims are influenced by the types of data used in the process of explaining the way of using *kata pemer* in constructing Malay sentences. Therefore, in order to prove the authenticity of the claim, the data from corpus was employed. This was done by using the real data generated from the UKM-DBP corpus

database which consists of five million words in which these words are contemporary and used in authentic settings. However, the data used in this study only involved the data taken from *Berita Harian* newspaper sub-corpus using Wordsmith Tools 5.0. Based on the data analysis, it is found that the use of kata *pemer* is emerging and productive. Essentially, the combination of pragmatic analysis and relevance theory has shown that *kata pemer ialah* which basically can only appear before a noun phrase, can also appear before a verb phrase, adjective phrase, prepositional phrase as well as small clause. It is also learned that *kata pemer adalah* which initially can only appear before adjective phrase and prepositional phrase, can also appear before noun phrase, verb phrase and small clause based on the use of pragmatic analysis and relevance theory. The effort of redefine *kata pemer* should be done by the Malay linguists especially those who produced Malay grammar book. The findings of this study also revealed that the anomaly of *kata pemer*, which is often debated and viewed as ungrammatical, does not create any problem to Malay grammar system. However, it is identified that the root of *kata pemer* problem lies in the diversity of explanations on the use of *kata pemer* by different linguists. Hence, with the application of linguistic theories and the use of authentic data from corpus database, it is hoped that this study could contribute to the development of Malay linguistics field in Malaysia.

Keywords: *Kata pemer ialah*, *kata pemer adalah*, corpus, anomaly, Malay grammar.

Pendahuluan

Pada dasarnya, ahli-ahli bahasa sependapat bahawa kata *pemer* ialah kata tugas yang memerikan subjek dan predikat dalam binaan ayat (Mohd. Azemi Mohd. Yusoff 1998). Penulis mendapati bahawa kebanyakan ahli bahasa hanya menghuraikan kata *pemer* dalam kerangka ayat bahasa Melayu pada peringkat struktur atau permukaan sahaja. Walau bagaimanapun, keadaan ini bukanlah dianggap sebagai suatu kesalahan tetapi tujuan kenyataan ini dikemukakan hanyalah sebagai pernyataan umum tentang fokus kebanyakan ahli bahasa dalam usaha memerihalkan kata *pemer* itu sendiri.

Sehubungan dengan itu, kajian ini akan cuba menilai semula huraian yang berkaitan dengan kata *pemer ialah* dan *adalah* yang pernah dikemukakan oleh ahli-ahli bahasa sama ada huraian yang dikemukakan oleh mereka itu mampu mempengaruhi motivasi linguistik masyarakat pengguna atau penutur bahasa Melayu mahupun sebaliknya. Hal ini bagi memperlihatkan atau membuktikan gelagat penggunaan sebenar kata *pemer ialah* dan *adalah* yang digunakan oleh masyarakat pengguna atau penutur bahasa Melayu itu sendiri sama ada mematuhi huraian atau tatacara yang dikemukakan oleh ahli-ahli bahasa terutamanya seperti yang ditetapkan di dalam buku nahu pegangan, iaitu *Tatabahasa Dewan* mahupun sebaliknya.

Apa yang pasti, usaha penilaian semula ini sememangnya wajar dilakukan dan kenyataan ini ternyata sejajar dengan kenyataan yang pernah dikemukakan oleh Zaharani Ahmad (2013). Zaharani Ahmad (2013) menyatakan bahawa sumbangan nahu preskriptif dalam konteks perancangan bahasa Melayu, khususnya pada tahap melaksanakan aktiviti pengekodan amat besar sekali dan semestinya dipuji serta dihargai. Hasil pengekodan ini kemudiannya disebarluaskan ke dalam masyarakat untuk dirujuk dan digunakan. Selepas usaha memasyarakatkan bahasa itu dilaksanakan dalam tempoh tertentu, maka proses perancangan bahasa diteruskan lagi pada tahap penilaian. Penilaian bermaksud peninjauan kembali terhadap hasil dan kesan aktiviti perancangan yang bertujuan membantu perancangan selanjutnya di samping memperbaiki kelemahan-kelemahan yang sedia ada. Penilaian semula yang dilakukan dari sudut pragmatik ini akan menerapkan teori relevans yang berasaskan data korpus lima juta UKM-DBP yang kontemporari dan autentik sifatnya.

Permasalahan Kajian

Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap huraian yang dikemukakan oleh ahli-ahli bahasa yang berkaitan dengan kata *pemer ialah* dan *adalah* ini, didapati bahawa huraian yang dikemukakan oleh mereka ternyata dipengaruhi oleh jenis data yang digunakan. Sehubungan dengan itu, berdasarkan jenis data yang digunakan, maka penulis mengklasifikasikan setiap kajian lepas tersebut kepada tiga kelompok kajian, iaitu kajian berasaskan nahu ayat, kajian berasaskan nahu separuh wacana, dan kajian berasaskan data korpus. Namun begitu, perlu ditegaskan di sini bahawa permasalahan yang cuba dibangkitkan dalam kajian ini sebenarnya bertitik tolak daripada kajian berasaskan nahu ayat dan bukannya bertitik tolak daripada kajian berasaskan nahu separuh wacana dan kajian berasaskan data korpus.

Kajian Berasaskan Nahu Ayat

Kajian berasaskan nahu ayat ini pernah dilakukan oleh ahli-ahli bahasa seperti Hashim Haji Musa (1993), Nik Safiah Karim (2007), dan Nik Safiah Karim et al. (2009). Apa yang pasti, kajian berasaskan nahu ayat ini didapati menggunakan data atau contoh-contoh ayat buatan dan tunggal yang direka sendiri oleh ahli-ahli

bahasa berasaskan intuisi mereka semata-mata sebagai penutur natif bahasa Melayu. Huraian yang berkaitan dengan kata pemerli *ialah* dan *adalah* yang dilakukan oleh Hashim Haji Musa (1993), Nik Safiah Karim (2007), dan Nik Safiah Karim et al. (2009) yang melibatkan data atau contoh-contoh ayat buatan dan tunggalan ini ternyata boleh dikaitkan dengan nahu ayat memandangkan nahu sebegini dibina berasaskan teori transformasi generatif bahasa Inggeris seperti yang pernah dinyatakan oleh Azhar M. Simin (1993).

Dalam konteks perkembangan ilmu linguistik, keadaan ini jelas memperlihatkan bahawa huraian yang berkaitan dengan kata pemerli yang menggunakan data buatan terbukti kurang berpada dari segi memenuhi ketiga-tiga ciri penyelidikan saintifik. Ketiga-tiga ciri tersebut terdiri daripada kepadaan pemerhatian (*observational adequacy*), kepadaan deskriptif (*descriptive adequacy*), dan kepadaan penjelasan (*explanatory adequacy*) (Chomsky 1970). Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Zaharani Ahmad (2008), kajian yang menafikan kewujudan data yang sahih dianggap sebagai tidak berpada kerana telah melanggar kepadaan pemerhatian (*observational adequacy*) yang merupakan tahap pertama yang perlu dipatuhi oleh sesebuah kajian linguistik.

Kajian Berasaskan Nahu Separuh Wacana

Kajian berasaskan nahu separuh wacana ini pula pernah dilakukan oleh ahli-ahli bahasa seperti Za'ba (1957), Asmah Haji Omar & Rama Subbiah (1968), Asmah Haji Omar (1980; 2008), dan Pitsamai Intarachat (1987). Pada dasarnya, kajian berasaskan nahu separuh wacana ini didapati menggunakan data atau contoh-contoh ayat tunggalan yang diambil atau dipetik daripada sumber bertulis seperti buku ilmiah, buku teks sekolah, majalah, surat khabar, teks terjemahan, dan teks ucapan rasmi. Apa yang pasti, huraian yang dikemukakan oleh Za'ba (1957), Asmah Haji Omar & Rama Subbiah (1968), Asmah Haji Omar (1980; 2008), dan Pitsamai Intarachat (1987) yang menggunakan data atau contoh-contoh ayat tunggalan yang diambil atau dipetik daripada sumber bertulis ternyata boleh dikaitkan dengan nahu separuh wacana seperti yang pernah dinyatakan oleh Azhar M. Simin (1993). Menurut Azhar M. Simin (1993), nahu separuh wacana ini kebanyakannya menggunakan ayat-ayat tunggalan yang dipetik daripada teks-teks tertentu sebagai asas untuk membuat pernyataan sintaksis. Ayat-ayat teks ini bukanlah ayat buatan sendiri seperti yang terdapat dalam nahu ayat tetapi sebaliknya merupakan ayat yang sahih penggunaannya, iaitu ayat-ayat yang digunakan dalam teks Melayu.

Namun begitu, dalam konteks perkembangan ilmu linguistik, data sebenar yang digunakan dalam kajian berasaskan nahu separuh wacana yang terbukti jauh lebih baik berbanding data buatan yang digunakan dalam kajian berasaskan nahu ayat jelas memperlihatkan bahawa huraian yang dikemukakan oleh Za'ba (1957), Asmah Haji Omar & Rama Subbiah (1968), Asmah Haji Omar (1980; 2008), dan Pitsamai Intarachat (1987) hanya mampu mencapai tahap kepadaan pemerhatian (*observational adequacy*) dan juga tahap kepadaan deskriptif (*descriptive adequacy*). Keadaan ini jelas memperlihatkan bahawa walaupun huraian yang dikemukakan oleh mereka mampu melepasi tahap kepadaan pemerhatian (*observational adequacy*) yang merupakan tahap pertama yang perlu dipatuhi oleh sesebuah kajian linguistik dan seterusnya berjaya mencapai tahap kepadaan deskriptif (*descriptive adequacy*) tetapi huraian yang dikemukakan oleh mereka tetap dianggap sebagai kurang berpada. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh kegagalan huraian yang dikemukakan mencapai tahap kepadaan yang ketiga, iaitu kepadaan penjelasan (*explanatory adequacy*) yang menjadi syarat utama bagi memastikan sesebuah kajian linguistik itu memenuhi ketiga-tiga ciri penyelidikan saintifik.

Kajian Berasaskan Data Korpus

Walau bagaimanapun, kajian berasaskan data korpus yang pernah dilakukan oleh ahli-ahli bahasa seperti Idris Aman (2008) didapati berbeza sama sekali berbanding kajian-kajian lepas yang tergolong sebagai kajian berasaskan nahu ayat dan kajian-kajian lepas yang tergolong sebagai kajian berasaskan nahu separuh wacana. Apa yang pasti, kajian berasaskan data korpus ini didapati menggunakan data sebenar yang dijana daripada pangkalan data korpus berkomputer sebagai data kajian. Penggunaan data sebenar yang dijana daripada pangkalan data korpus berkomputer ini terbukti berupaya menghuraikan dan menjelaskan kesemua aspek yang wujud dalam bahasa termasuklah fenomena kepelbagaian gelagat penggunaan kata pemerli *ialah* dan *adalah* itu sendiri. Hakikatnya, data sebenar yang dijana daripada pangkalan data korpus berkomputer yang digunakan dalam kajian berasaskan data korpus ini sememangnya diakui terjamin dari segi kesahihannya. Menurut Zaharani Ahmad (2013), data yang sahih ialah data yang dijana berpandukan pendekatan linguistik korpus, iaitu kajian yang mengutamakan data bahasa yang sebenar yang bersifat empirikal, sahih, dan autentik yang digunakan oleh masyarakat. Dalam konteks perkembangan ilmu linguistik, keadaan ini jelas memperlihatkan bahawa huraian yang menggunakan data sebenar yang dijana daripada pangkalan data korpus berkomputer sememangnya terbukti mampu memenuhi ketiga-tiga ciri penyelidikan saintifik. Ketiga-tiga ciri tersebut terdiri daripada kepadaan pemerhatian (*observational adequacy*), kepadaan deskriptif (*descriptive adequacy*), dan kepadaan penjelasan (*explanatory adequacy*).

Kesimpulannya, perlu ditegaskan di sini bahawa kajian ini cuba mengungkap permasalahan yang timbul yang bertitik tolak daripada pendapat atau dakwaan yang dikemukakan oleh sesetengah ahli bahasa terutamanya ahli-ahli bahasa yang melakukan kajian berasaskan nahu ayat yang menyatakan bahawa penggunaan kata pemerri amat terbatas dalam binaan ayat bahasa Melayu, malahan tidak kurang juga ada antara mereka yang tidak menggalakkan penggunaan kata pemerri itu sendiri. Apa yang pasti, pendapat atau dakwaan tersebut ternyata dipengaruhi oleh jenis data yang digunakan oleh mereka semasa menghuraikan tatacara penggunaan kata pemerri dalam binaan ayat bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, bagi membuktikan kesahihan pendapat atau dakwaan tersebut, maka pembuktian daripada data korpus sememangnya perlu dilakukan. Hal ini bagi memperlihatkan atau membuktikan gelagat penggunaan sebenar kata pemerri *ialah* dan *adalah* yang digunakan oleh masyarakat pengguna atau penutur bahasa Melayu itu sendiri. Sehubungan dengan itu, pembuktian tersebut akan dilakukan dengan menggunakan data sebenar yang dijana daripada pangkalan data korpus lima juta UKM-DBP yang kontemporari dan autentik sifatnya.

Data Kajian

Data kajian untuk kajian ini diambil daripada sumber data sekunder yang terdapat di dalam pangkalan data korpus UKM-DBP yang berjumlah sebanyak lima juta patah perkataan. Pemilihan data korpus lima juta UKM-DBP sebagai data kajian memandangkan data sebegini didapati lebih segar, objektif, luas, dan empirik serta autentik sifatnya. Pemilihan data korpus berkomputer sebagai data kajian dalam kajian ini ternyata mampu memenuhi kriteria utama dalam kajian linguistik itu sendiri, iaitu kaedah saintifik. Menurut Leech (1992):

I wish to argue that computer corpus linguistics defines not just a newly emerging methodology for studying language, but a new research enterprise, and in fact a new philosophical approach to the subject. The computer, as a uniquely powerful technological tool, has made this new kind of linguistics possible. So, technology here (as for centuries in natural science) has taken a more important role than that of supporting and facilitating research: I see it as the essential means to a new kind of knowledge, and as an "open sesame" to a new way of thinking about language.

Menurut Imran Ho-Abdullah (2002) pula, korpus sangat sesuai digunakan dalam sesebuah kajian kerana ayat-ayat di dalam korpus sering kali lebih menarik, kompleks, dan semula jadi berbanding ayat-ayat di dalam buku tatabahasa yang dibuat-buat untuk tujuan contoh dan sekali gus membataskan aspek tatabahasa.

Seterusnya, kesemua data ini dijana dengan menggunakan perisian komputer yang dikenali sebagai *Wordsmith Tools 5.0* dan dipaparkan dalam bentuk baris konkordans. Data yang terdapat di dalam pangkalan data korpus UKM-DBP ini terdiri daripada himpunan teks yang dikelompokkan kepada tiga sumber utama yang terdiri daripada sumber yang diambil daripada akhbar-akhbar (*Utusan Malaysia*, *Berita Harian*, dan *Harakah*), majalah-majalah, dan buku-buku.

Apa yang pasti, penulis hanya menggunakan data yang diambil daripada subkorpus akhbar, iaitu akhbar *Berita Harian* bagi memperlihatkan gelagat penggunaan sebenar kata pemerri *ialah* dan *adalah* yang digunakan oleh masyarakat pengguna atau penutur bahasa Melayu itu sendiri. Jadual di bawah ini merupakan jadual yang memperlihatkan jumlah baris konkordans bagi penggunaan kata pemerri *ialah* dan *adalah* yang terdapat di dalam subkorpus akhbar, iaitu akhbar *Berita Harian*.

Jadual 1: Jumlah baris konkordans

Kata Pemerri <i>Ialah</i>	Kata Pemerri <i>Adalah</i>
1,770 baris konkordans	3,217 baris konkordans

Berdasarkan Jadual 1 di atas, dapat dilihat dengan jelas bahawa jumlah baris konkordans bagi kata pemerri *ialah* dan *adalah* yang diambil daripada subkorpus akhbar, iaitu akhbar *Berita Harian* ternyata sudah memadai untuk membantu penulis bagi memperlihatkan gelagat penggunaan sebenar kata pemerri *ialah* dan *adalah* yang digunakan oleh masyarakat pengguna atau penutur bahasa Melayu yang seterusnya membolehkan dapatan kajian yang lebih berpeda diperoleh.

Kata Pemerri *Ialah* dan *Adalah* Produktif di dalam Korpus

Pada dasarnya, perlu ditegaskan sekali lagi bahawa asas perbandingan utama yang dilakukan dalam kajian ini adalah dengan cara membandingkan huraian kata pemerri yang dikemukakan oleh Nik Safiah Karim et al. (2009) menerusi buku *Tatabahasa Dewan*. Namun begitu, penulis sama sekali tidak akan mengetepikan

kajian-kajian lepas yang lain dan pada masa yang sama akan turut menggunakan kajian-kajian lepas yang lain itu untuk tujuan perbandingan bagi membantu menyokong atau menguatkan hujah-hujah yang dikemukakan semasa proses penganalisan data dilakukan. Apa yang pasti, pemilihan buku *Tatabahasa Dewan* sebagai asas perbandingan utama atas faktor buku tersebut sudah pun diangkat oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai nahu pegangan dan sumber rujukan utama pengguna bahasa Melayu. Kenyataan ini boleh disokong menerusi kenyataan yang pernah dikemukakan oleh mantan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka pada bahagian Kata Pengantar Edisi Baharu di dalam buku *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*.

Menurut Jumaat Mohd. Noor (1993), DBP sebagai badan perancang bahasa dan sastera dalam bahasa kebangsaan berasa sangat bertanggungjawab apabila buku ini telah diterima sebagai tatabahasa pegangan (dalam konteks penulisan ini dipanggil sebagai nahu pegangan). Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa buku ini mendapat sambutan hangat kerana telah digunakan sebagai buku rujukan dalam pengajaran bahasa dalam sama ada sistem pendidikan di sekolah, maktab mahupun di institusi pengajian tinggi.

Seterusnya, perbandingan ini dilakukan bertujuan untuk membuat penilaian sama ada huraian yang berkaitan dengan kata pemerian yang dikemukakan oleh Nik Safiah Karim et al. (2009) menerusi buku nahu pegangan bertepatan seluruhnya dengan maklumat data korpus mahupun sebaliknya. Huraian yang terbukti bertepatan dengan data korpus sememangnya tidak akan dipertikaikan sama sekali, manakala huraian yang didapati bertentangan dengan data korpus akan diteliti dan seterusnya dianalisis dengan lebih mendalam untuk diberi penjelasan kenahumannya.

Secara keseluruhannya, didapati bahawa kata pemerian *ialah* dan *adalah* ternyata produktif di dalam korpus yang diteliti ini. Dari segi kehadiran dalam senarai kata korpus, didapati bahawa kata pemerian *ialah* menduduki tempat ke-77, manakala kata pemerian *adalah* pula menduduki tempat ke-32. Seterusnya, dari segi penggunaan di dalam batasan korpus kajian ini didapati bahawa kata pemerian *ialah* hadir sebanyak 1,770 kali, manakala kata pemerian *adalah* pula hadir sebanyak 3,217 kali. Jadual di bawah ini memaparkan nilai kekerapan dan nilai peratusan penggunaan kata pemerian *ialah* dan *adalah* yang terdapat di dalam subkorpus akhbar, iaitu akhbar *Berita Harian* yang dikelompokkan seperti yang berikut:

1. Kata pemerian *ialah* yang hadir di hadapan frasa nama.
2. Kata pemerian *ialah* yang hadir di hadapan frasa kerja.
3. Kata pemerian *ialah* yang hadir di hadapan frasa adjektif.
4. Kata pemerian *ialah* yang hadir di hadapan frasa sendi nama.
5. Kata pemerian *ialah* yang hadir di hadapan klausa kecil.
6. Kata pemerian *adalah* yang hadir di hadapan frasa nama.
7. Kata pemerian *adalah* yang hadir di hadapan frasa kerja.
8. Kata pemerian *adalah* yang hadir di hadapan frasa adjektif.
9. Kata pemerian *adalah* yang hadir di hadapan frasa sendi nama.
10. Kata pemerian *adalah* yang hadir di hadapan klausa kecil.

JADUAL 2: Nilai kekerapan dan nilai peratusan penggunaan kata pemerian *ialah* dan *adalah* di dalam subkorpus akhbar, iaitu akhbar *Berita Harian*

Penggunaan	Kata Pemerian <i>Ialah</i>	Kata Pemerian <i>Adalah</i>
Keseluruhan korpus	1,770 (0.17%)	3,217 (0.3%)
Hadir di hadapan frasa nama	1,306 (73.8%)	1,908 (59.3%)
Hadir di hadapan frasa kerja	198 (11.2%)	292 (9.1%)
Hadir di hadapan frasa adjektif	28 (1.6%)	593 (18.4%)
Hadir di hadapan frasa sendi nama	104 (5.9%)	301 (9.4%)
Hadir di hadapan klausa kecil	134 (7.5%)	122 (3.8%)

Berdasarkan Jadual 2 di atas, dapat dilihat dengan jelas bahawa terdapat gelagat penggunaan kata pemerian *ialah* dan *adalah* yang sememangnya menyimpang daripada rumus atau peraturan seperti yang ditetapkan oleh buku nahu pegangan, iaitu *Tatabahasa Dewan*. Berdasarkan proses penelitian dan pengelompokan data yang dilakukan, didapati bahawa sebanyak 11.2 peratus kata pemerian *ialah* hadir di hadapan frasa kerja, 1.6 peratus hadir di hadapan frasa adjektif, 5.9 peratus hadir di hadapan frasa sendi nama, dan 7.5 peratus hadir di hadapan klausa kecil. Seterusnya, bagi kata pemerian *adalah* pula sebanyak 59.3 peratus hadir di hadapan frasa nama, 9.1 peratus hadir di hadapan frasa kerja, dan 3.8 peratus hadir di hadapan klausa kecil.

Nilai peratusan gelagat penggunaan kata pemeris *ialah* yang menepati atau mematuhi rumus tatabahasa didapati memperlihatkan nilai peratusan yang besar berbanding nilai peratusan gelagat penggunaan kata pemeris *adalah*. Walaupun buku nahu pegangan menetapkan bahawa kata pemeris *adalah* hanya boleh hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama tetapi sebaliknya, nilai peratusan gelagat penggunaan yang paling tinggi diwakili oleh gelagat penggunaan kata pemeris *adalah* yang hadir di hadapan frasa nama. Nilai peratusan yang tinggi yang diwakili oleh gelagat penggunaan kata pemeris *adalah* yang hadir di hadapan frasa nama ini ternyata mampu mencerminkan bentuk lazim atau gelagat penggunaan sebenar kata pemeris yang digunakan oleh masyarakat pengguna atau penutur bahasa Melayu itu sendiri.

Secara perbandingannya, ditegaskan sekali lagi bahawa Nik Safiah Karim et al. (2009) menetapkan dan menegaskan kata pemeris *ialah* hanya boleh hadir di hadapan frasa nama, manakala kata pemeris *adalah* pula hanya boleh hadir di hadapan frasa adjektif dan di hadapan frasa sendi nama. Oleh hal yang demikian, bagi memastikan sama ada huraian tersebut betul mahupun sebaliknya, maka pembuktian daripada data korpus sememangnya tetap perlu dilakukan selain pembuktian yang dilakukan menerusi kaedah statistik deskriptif. Sehubungan dengan itu, teliti Jadual 4.2 berikut:

JADUAL 3: Perbandingan gelagat penggunaan kata pemeris *ialah* dan *adalah* antara nahu preskriptif lawan nahu praktis

Bil.	Pola	Nahu Preskriptif	Nahu Praktis
		(Contoh Ayat Ahli Bahasa)	(Contoh Ayat Korpus)
Kata Pemeris <i>Ialah</i>			
1.	FN + FN	Antara perkara yang dibicarakan dalam buku itu <i>ialah</i> masalah moral negara.	Menurut Timbalan Perdana Menteri, antara masalah yang dihadapi sektor perbankan Islam berikutan krisis ekonomi semasa ***ialah*** tindakan menyimpan mengeluarkan simpanan kerana kadar pulangnya rendah.
2.	FN + FK	-Tiada-	*Kejayaan paling membanggakan bagi mereka ***ialah*** memenangi pingat emas untuk pasukan bola sepak mereka di Sukan Olimpik.
3.	FN + FA	-Tiada-	*Katanya, keyakinan terhadap pasaran jam Swatch di Asia didorong oleh konsep yang diperkenalkan ***ialah*** inovatif dan memenuhi selera tempatan selain daripada faktor 'hikmah di sebalik kegawatan'.
4.	FN + FSN	-Tiada-	*Pelaburan lain ***ialah*** dalam instrumen pasaran wang 25.06 peratus, pinjaman dan debentur (26.16 peratus) serta hartanah 0.37 peratus.
5.	KLAUSA UTAMA + KLAUSA KECIL	-Tiada-	*Alasan syarikat insurans ***ialah*** kerana harga pasaran bagi kenderaan yang dicuri itu hanya bernilai RM3,000 ketika tuntutan insurans dibuat.
Kata Pemeris <i>Adalah</i>			
6.	FN + FN	-Tiada-	*Proses pengumpulan modal ***adalah*** proses terpenting peringkat awal pembangunan ekonomi mengikut teori pembangunan.
7.	FN + FK	-Tiada-	*Pengurus Jabatan Pengujian dan Homologasi Proton, Tengku Azizan Tengku Ahmad, berkata matlamat utama program pemurnian ***adalah*** memberikan keselesaan daripada bunyi bising

8.	FN + FA	Makanan seimbang <i>adalah</i> baik untuk kesihatan badan.	dan kendalian menyeluruh kepada pemandu. Bagaimanapun, sesetengahnya pula berpendapat sebaliknya dengan mengatakan bau yang dihasilkan *** <i>adalah</i> *** busuk seperti menghidu keju busuk, bawang, turpentin dan sebagainya.
9.	FN + FSN	Sumbangan besar beliau <i>adalah</i> dari segi peningkatan ekonomi rakyat luar bandar.	Bagaimanapun, rizab antarabangsa Bank Negara bagi 15 Julai lalu *** <i>adalah</i> *** pada paras RM57.6 bilion.
10.	KLAUSA UTAMA + KLAUSA KECIL	-Tiada-	*Saranan saya di sini *** <i>adalah</i> *** supaya bayaran kemasukan ke mana-mana IPT dikurangkan pada kadar yang munasabah agar tidak menjejaskan peluang pelajar yang berpendapatan rendah ke menara gading.

Berdasarkan Jadual 3 di atas ini, dapat dilihat dengan jelas bahawa pembuktian daripada data korpus yang memperlihatkan contoh-contoh ayat yang bertanda asterisk (*) ternyata menyimpang daripada rumus atau peraturan seperti yang ditetapkan oleh buku nahu pegangan. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan cuba menjelaskan dengan lebih terperinci dan mendalam contoh-contoh gelagat penggunaan kata pemeris *ialah* dan *adalah* tersebut yang terbukti menyimpang daripada rumus atau peraturan tatabahasa bahasa Melayu yang disifatkan sebagai salah dan tidak gramatis. Pada masa yang sama, penjelasan tersebut akan dilihat dari sudut pragmatik dengan menerapkan teori relevans yang dijadikan sebagai bingkai semasa proses penganalisisan data.

Gelagat Penyimpangan (Anomali) Penggunaan Kata Pemeris *Ialah*

Di bawah ini dipaparkan contoh-contoh gelagat penyimpangan penggunaan kata pemeris *ialah*.

Kata Pemeris *Ialah* Hadir di Hadapan Frasa Kerja

1. *Kejayaan paling membanggakan bagi mereka ****ialah**** memenangi pingat emas untuk pasukan bola sepak mereka di Sukan Olimpik.

Menurut Zaharani Ahmad (2013), nahu preskriptif yang menerapkan kerangka teori transformasi generatif, khususnya dalam aspek sintaksisnya sememangnya mengutamakan rumus dalam penghuraian nahunya. Peranan rumus bagi menjelaskan bagaimana struktur yang gramatis itu dihasilkan. Apa yang pasti, nahu ini menangani isu kepelbagaian struktur dengan cara melaksanakan tiga langkah, iaitu berpegang pada rumus yang dipreskripsikan sebagai baku, menolak struktur yang tidak menepati rumus (seperti penggunaan kata pemeris di hadapan frasa kerja atau kata kerja), dan membetulkan korpus supaya bertepatan dengan rumus. Sehubungan dengan itu, memandangkan Nik Safiah Karim et al. (2009) menolak penggunaan kata pemeris yang hadir di hadapan frasa kerja, maka penulis mengandaikan bahawa kata pemeris *ialah* yang terkandung dalam ayat 1 di atas ini perlu digugurkan. Sebagai contohnya adalah seperti yang berikut:

2. *Kejayaan paling membanggakan bagi mereka Ø memenangi pingat emas untuk pasukan bola sepak mereka di Sukan Olimpik.

Keadaan ayat 2 apabila dilihat dari sudut pragmatik, khususnya teori relevans akan memperlihatkan pembaca berkemungkinan mengalami kesukaran bagi memahami konteks ayat 2 tersebut yang pada asalnya mendukung konteks pemerian yang memperlihatkan ciri inheren persamaan atau ekuatif. Keadaan sebegini juga didapati mampu menyebabkan usaha memproses maklumat menjadi lebih tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana berbanding ayat 2 di atas ini yang sudah pun mengalami proses pengguguran kata pemeris *ialah*, didapati bahawa ayat 1 sememangnya terbukti lebih mudah untuk difahami kerana konteksnya yang ternyata jelas memfokuskan aspek pemerian yang memperlihatkan ciri inheren persamaan atau ekuatif dengan adanya kehadiran kata pemeris *ialah* itu sendiri.

Seterusnya, bagi menjelaskan dengan lebih lanjut fenomena gelagat penggunaan kata pemeris *ialah* yang hadir di hadapan frasa kerja seperti yang terkandung dalam ayat 1 di atas ini, maka diandaikan bahawa bentuk

sebenarnya ayat 1 berkemungkinan adalah seperti yang berikut:

3. Kejayaan paling membanggakan bagi mereka *****ialah*** kejayaan** memenangi pingat emas untuk pasukan bola sepak mereka di Sukan Olimpik.

Berdasarkan ayat 3 di atas ini, disebabkan oleh huraian yang dilakukan oleh Nik Safiah Karim et al. (2009) hanya meliputi peringkat struktur atau permukaan, maka unsur yang diandaikan wujud di antara kedudukan kata pemeris *ialah* dan kata kerja *memenangi* didapati tidak mampu dicungkil oleh mereka dengan lebih mendalam berbanding melihatnya dari sudut pragmatik, iaitu dengan menerapkan teori relevans. Penulis turut mengandaikan bahawa disebabkan oleh kata nama *kejayaan* yang terkandung dalam bahagian predikat ayat 3 sama dari segi identitinya dengan kata nama *kejayaan* yang terkandung dalam bahagian subjek ayat 3 itu sendiri, maka kata nama *kejayaan* yang terkandung dalam bahagian predikat ayat 3 tersebut pun boleh digugurkan. Sebagai contohnya adalah seperti yang berikut:

4. *Kejayaan paling membanggakan bagi mereka *****ialah*** Ø** memenangi pingat emas untuk pasukan bola sepak mereka di Sukan Olimpik.

Hasilnya, pengguguran kata nama *kejayaan* yang terkandung dalam bahagian predikat ayat 3 menyebabkan ayat 4 di atas menjadi salah dari segi strukturnya dan tidak gramatis berdasarkan ketetapan yang dikemukakan oleh Nik Safiah Karim et al. (2009). Hal ini dikatakan demikian kerana selepas berlakunya proses pengguguran kata nama *kejayaan* yang terkandung dalam bahagian predikat ayat 3, maka ayat 4 di atas memperlihatkan dengan jelas bahawa kata pemeris *ialah* hadir di hadapan frasa kerja. Oleh sebab proses pengguguran kata nama *kejayaan* yang terkandung dalam bahagian predikat ayat 3 sudah pun dilakukan, maka terbuhtilah bahawa bentuk ayat yang terhasil, iaitu ayat 4 di atas ini mampu membantu mengukuhkan andaian awal penulis dari segi proses transformasi yang berlaku terhadap ayat 1. Apa yang pasti, keadaan ini ternyata sejajar dan bertepatan dengan huraian yang berkaitan dengan kesan konteks yang terkandung dalam teori relevans itu sendiri. Kesan konteks merupakan andaian awal yang ada pada pendengar atau pembaca tentang maklumat yang relevan dengan diri pendengar atau pembaca itu. Sesuatu ujaran akan dianggap menjadi lebih relevan, sekiranya ujaran tersebut mempunyai lebih banyak kesan konteks. Dalam sesuatu perbualan, pendengar akan menggabungkan atau memperkuat atau mengugurkan konteks yang ingin dikaitkan oleh penutur dengan andaian awal yang sedia ada bagi menghasilkan kesan konteks (Nor Hashimah Jalaluddin 2007). Hakikatnya, tanpa adanya kata nama *kejayaan* selepas kata pemeris *ialah* dan sebelum kata kerja *memenangi*, didapati bahawa ayat 1 di atas tetap mudah untuk difahami oleh pembaca. Pada masa yang sama, proses pentafsiran ayat 1 juga tetap dapat dilakukan dengan lebih mudah dan cepat. Keadaan ini ternyata jelas dan dapat membuktikan bahawa semakin rendah usaha memproses, maka semakin relevanlah sesuatu ujaran itu.

Oleh hal yang demikian, jelaslah di sini bahawa fenomena gelagat penggunaan kata pemeris *ialah* yang hadir di hadapan frasa kerja seperti yang ditunjukkan dalam ayat 1 di atas ternyata tidak boleh ditolak sama sekali dan seterusnya tidak boleh dianggap sebagai salah dan tidak gramatis. Walaupun Nik Safiah Karim et al. (2009) menolak gelagat penggunaan kata pemeris *ialah* yang hadir di hadapan frasa kerja tetapi menurut pendapat penulis, gelagat penggunaan sebegini sebenarnya logik dan ternyata boleh diterima pakai.

Kata Pemeris *Ialah* Hadir di Hadapan Frasa Adjektif

1. *Katanya, keyakinan terhadap pasaran jam Swatch di Asia didorong oleh konsep yang diperkenalkan *****ialah***** inovatif dan memenuhi selera tempatan selain daripada faktor 'hikmah di sebalik kegawatan'.

Sekiranya penulis berpendirian untuk mengambil jalan penyelesaian yang mudah, maka masalah kenahuan yang timbul atau kesalahan yang ada dalam ayat 1 di atas ini ternyata mampu diselesaikan dengan cepat dengan hanya melakukan proses pembetulan terhadap kata pemeris *ialah* yang terkandung dalam ayat 1 itu sendiri. Proses pembetulan yang dimaksudkan itu dilakukan dengan cara menggantikan kata pemeris *ialah* tersebut dengan kata pemeris *adalah* seperti yang ditetapkan oleh Nik Safiah Karim et al. (2009) di dalam buku nahu pegangan. Hal ini bagi memastikan bahawa ayat 1 di atas betul dari segi strukturnya dan menjadikannya lebih gramatis. Walau bagaimanapun, tindakan sedemikian tidak boleh dijadikan sebagai jalan penyelesaian terbaik memandangkan tindakan tersebut hanya akan menimbulkan lebih banyak persoalan lain yang berkemungkinan tidak akan terjawab. Persoalan lain yang dimaksudkan itu merujuk kepada persoalan kerasionalan atau kewajaran proses pembetulan perlu dilakukan selain daripada alasan klise yang sentiasa diberikan, iaitu ayat 1 di atas terbukti menyalahi hukum tatabahasa bahasa Melayu.

Sehubungan dengan itu, sekiranya dilihat dari sudut pragmatik dengan menerapkan teori relevans, maka

penulis mengandaikan bahawa bentuk sebenar ayat 1 berkemungkinan adalah seperti yang berikut:

2. Katanya, keyakinan terhadap pasaran jam Swatch di Asia didorong oleh konsep yang diperkenalkan ****ialah**** **konsep yang** inovatif dan memenuhi selera tempatan selain daripada faktor 'hikmah di sebalik kegawatan'.

Berdasarkan ayat 2 di atas ini, memandangkan huraian yang dikemukakan oleh Nik Safiah Karim et al. (2009) hanya meliputi peringkat struktur atau permukaan, maka penulis mengandaikan bahawa unsur-unsur yang berkemungkinan wujud di antara kedudukan kata pemeris *ialah* dan kata adjektif *inovatif* ternyata tidak mampu dicungkil oleh mereka dengan lebih mendalam. Keadaan ini terbukti berbeza apabila ayat 2 di atas ini dilihat dari sudut pragmatik, iaitu dengan menerapkan teori relevans itu sendiri. Di samping itu, penulis juga mengandaikan bahawa memandangkan frasa *konsep yang* yang terkandung dalam bahagian predikat ayat 2 sama dari segi identitinya dengan frasa *konsep yang* yang terkandung dalam bahagian subjek ayat 2 itu sendiri, maka frasa *konsep yang* yang terkandung dalam bahagian predikat ayat 2 tersebut pun boleh digugurkan. Sebagai contohnya adalah seperti yang berikut:

3. *Katanya, keyakinan terhadap pasaran jam Swatch di Asia didorong oleh konsep yang diperkenalkan****ialah**** Ø inovatif dan memenuhi selera tempatan selain daripada faktor 'hikmah di sebalik kegawatan'.

Hasilnya, penguguran frasa *konsep yang* yang terkandung dalam bahagian predikat ayat 2 menyebabkan ayat 3 di atas menjadi salah dari segi strukturnya dan tidak gramatis menurut ketetapan yang dikemukakan oleh Nik Safiah Karim et al. (2009). Hal ini dikatakan demikian kerana selepas berlakunya proses penguguran frasa *konsep yang* yang terkandung dalam bahagian predikat ayat 2, maka ayat 3 di atas memperlihatkan dengan jelas bahawa kata pemeris *ialah* hadir di hadapan frasa adjektif. Oleh sebab proses penguguran frasa *konsep yang* yang terkandung dalam bahagian predikat ayat 2 sudah pun dilakukan, maka terbukti bahawa bentuk ayat yang terhasil, iaitu ayat 3 di atas ini mampu membantu mengukuhkan di samping menguatkan andaian awal penulis dari segi proses transformasi yang berlaku terhadap ayat 1. Hakikatnya, tanpa kewujudan frasa *konsep yang* di antara kedudukan kata pemeris *ialah* dan kata adjektif *inovatif*, didapati bahawa ayat 1 di atas tetap mudah untuk difahami oleh pembaca. Pada masa yang sama, proses pentafsiran ayat 1 juga tetap dapat dilakukan dengan lebih mudah dan cepat. Keadaan ini ternyata dapat membuktikan bahawa semakin rendah usaha memproses, maka semakin relevanlah sesuatu ujaran itu.

Oleh hal yang demikian, jelaslah di sini bahawa fenomena gelagat penggunaan kata pemeris *ialah* yang hadir di hadapan frasa adjektif seperti yang ditunjukkan dalam ayat 1 ternyata tidak boleh ditolak sama sekali dan seterusnya tidak boleh dianggap sebagai salah dan tidak gramatis. Walaupun Nik Safiah Karim et al. (2009) menolak gelagat penggunaan kata pemeris *ialah* yang hadir di hadapan frasa adjektif tetapi menurut pendapat penulis, gelagat penggunaan sebegini sebenarnya logik dan sememangnya boleh diterima pakai.

Kata Pemeris *ialah* Hadir di Hadapan Frasa Sendi Nama

1. *Pelaburan lain ****ialah**** dalam instrumen pasaran wang 25.06 peratus, pinjaman dan debentur (26.16 peratus) serta hartanah 0.37 peratus.

Oleh sebab proses pembetulan bukanlah jalan penyelesaian yang terbaik bagi menangani isu kesalahan ayat 1 di atas ini, maka penulis mengandaikan bahawa bentuk sebenar ayat 1 di atas ini berkemungkinan adalah seperti yang berikut:

2. Pelaburan lain ****ialah**** **pelaburan** dalam instrumen pasaran wang 25.06 peratus, pinjaman dan debentur (26.16 peratus) serta hartanah 0.37 peratus.

Memandangkan huraian yang dilakukan oleh Nik Safiah Karim et al. (2009) terbukti hanya meliputi peringkat struktur atau permukaan, maka unsur yang diandaikan wujud di antara kedudukan kata pemeris *ialah* dan frasa sendi nama *dalam instrumen* dalam ayat 2 di atas ini didapati tidak mampu dicungkil oleh mereka dengan lebih mendalam. Sebaliknya, unsur tersebut didapati mampu dicungkil dengan lebih mendalam apabila dilihat dari sudut pragmatik, iaitu dengan menerapkan teori relevans. Pada masa yang sama, penulis juga mengandaikan bahawa memandangkan kata nama *pelaburan* yang terkandung dalam bahagian predikat ayat 2 sama dari segi identitinya dengan kata nama *pelaburan* yang terkandung dalam bahagian subjek ayat 2 itu sendiri, maka kata nama *pelaburan* yang terkandung dalam predikat ayat 2 tersebut pun boleh digugurkan. Sebagai contohnya adalah seperti yang berikut:

3. *Pelaburan lain ****ialah**** Ø dalam instrumen pasaran wang 25.06 peratus, pinjaman dan

debentur (26.16 peratus) serta hartanah 0.37 peratus.

Hasilnya, pengguguran kata nama *pelaburan* yang terkandung dalam predikat ayat 2 menyebabkan ayat 3 di atas menjadi salah dari segi strukturnya dan tidak gramatis berdasarkan rumus atau peraturan seperti yang ditetapkan oleh Nik Safiah Karim et al. (2009). Hal ini dikatakan demikian kerana selepas berlakunya proses pengguguran kata nama *pelaburan* yang terkandung dalam predikat ayat 2, didapati bahawa ayat 3 di atas jelas membuktikan bahawa kata pemerii *ialah* hadir di hadapan frasa sendi nama. Oleh sebab proses pengguguran kata nama *pelaburan* yang terkandung dalam bahagian predikat ayat 2 sudah pun dilakukan, maka terbukti bahawa bentuk ayat yang terhasil, iaitu ayat 3 di atas ini didapati mampu membantu mengukuhkan andaian awal penulis dari segi proses transformasi yang berlaku terhadap ayat 1. Hakikatnya, tanpa adanya kata nama *pelaburan* yang hadir di antara kata pemerii *ialah* dan kata adjektif *inovatif*, didapati bahawa ayat 1 di atas tetap mudah untuk difahami oleh pembaca. Pada masa yang sama, proses pentafsiran ayat 1 juga tetap dapat dilakukan dengan lebih mudah dan cepat. Apa yang pasti, keadaan ini ternyata jelas dan dapat membuktikan bahawa semakin rendah usaha memproses, maka semakin relevanlah sesuatu ujaran itu.

Oleh hal yang demikian, jelaslah di sini bahawa fenomena gelagat penggunaan kata pemerii *ialah* yang hadir di hadapan frasa sendi nama seperti yang ditunjukkan dalam ayat 1 ternyata tidak boleh ditolak sama sekali dan seterusnya tidak boleh dianggap sebagai salah dan tidak gramatis. Walaupun Nik Safiah Karim et al. (2009) menolak gelagat penggunaan kata pemerii *ialah* yang hadir di hadapan frasa sendi nama tetapi menurut pendapat penulis, gelagat penggunaan sebegini sebenarnya logik dan sememangnya boleh diterima pakai.

Kata Pemerii Ialah Hadir di Hadapan Klausa Kecil

1. *Alasan syarikat insurans ****ialah**** kerana harga pasaran bagi kenderaan yang dicuri itu hanya bernilai RM3,000 ketika tuntutan insurans dibuat.

Pada dasarnya, huraian yang berkaitan dengan kata pemerii yang dikemukakan oleh Nik Safiah Karim et al. (2009) sememangnya tidak mencakupi peringkat klausa. Walau bagaimanapun, hasil daripada proses penelitian data yang dilakukan, penulis mendapati bahawa gelagat penggunaan kata pemerii yang hadir di hadapan klausa kecil ternyata produktif di dalam korpus yang dikaji. Oleh hal yang demikian, penulis akan cuba menghuraikan dengan lebih lanjut gelagat penggunaan kata pemerii *ialah* yang hadir di hadapan klausa kecil seperti dalam contoh ayat 1 di atas bagi menghasilkan dapatan kajian yang lebih berpada.

Seterusnya, bagi membuktikan pengelompokan data yang dilakukan oleh penulis ini betul dan boleh diterima pakai, maka diperturunkan di sini huraian yang berkaitan dengan klausa itu sendiri. Klausa menurut Nik Safiah Karim et al. (2009) merujuk kepada satu unit rangkaian perkataan yang mengandungi subjek dan predikat yang menjadi konstituen kepada ayat. Sebagai konstituen dalam pembentukan ayat, klausa terbahagi kepada dua jenis, iaitu klausa bebas dan klausa tak bebas. Klausa bebas ialah klausa yang dapat berdiri sendiri dan bersifat sebagai ayat lengkap apabila diucapkan dengan intonasi yang sempurna. Antara contoh klausa adalah seperti yang berikut:

- a. kamu pandai
- b. saya akan hadir

Dalam ayat (a), klausa *kamu pandai* mengandungi subjek *kamu* dan predikat *pandai* dan sekiranya diucapkan dengan intonasi yang sempurna dan betul, klausa tersebut akan menjadi ayat lengkap, iaitu *Kamu pandai*. Klausa bebas dengan sifatnya sebagai ayat yang sempurna boleh juga menjadi sebahagian daripada ayat yang lebih luas dan kompleks seperti contoh yang berikut:

- c. *Kamu pandai* kerana kamu rajin belajar.
- d. *Saya akan hadir* kalau waktu mengizinkan.

Dalam ayat (c), konstituen *kamu pandai* merupakan klausa bebas yang terbentuk dalam ayat yang mengandungi satu klausa lain, iaitu *kerana kamu rajin belajar*. Walau bagaimanapun, klausa *kerana kamu rajin belajar* yang mengandungi subjek *kamu*, predikat *rajin belajar* dan kata hubung *kerana* ialah klausa tak bebas kerana klausa tersebut tidak dapat berdiri sendiri. Klausa yang tidak dapat berdiri sendiri disebut sebagai klausa tak bebas. Dalam ayat yang mengandungi klausa bebas dan tak bebas, klausa bebas disebut sebagai klausa utama, manakala klausa tak bebas pula disebut sebagai klausa kecil. Sehubungan dengan itu, memandangkan dalam ayat 1 di atas terdapatnya kata hubung *kerana*, maka pengelompokan yang dilakukan oleh penulis, iaitu kata pemerii *ialah* yang hadir di hadapan klausa kecil sememangnya terbukti relevan dan boleh diterima pakai.

Seterusnya, oleh sebab huraian yang berkaitan dengan kata pemerii yang dikemukakan oleh Nik Safiah Karim et al. (2009) tidak mencakupi peringkat klausa, maka kata pemerii *ialah* yang hadir di hadapan kata hubung

kerana itu sememangnya perlu digugurkan. Proses pengguguran kata pemeris *ialah* ini dilakukan bagi memastikan ayat 1 betul dari segi struktur tatabahasanya dan menjadi lebih gramatis. Sebagai contohnya adalah seperti yang berikut:

2. Alasan syarikat insurans Ø kerana harga pasaran bagi kenderaan yang dicuri itu hanya bernilai RM3,000 ketika tuntutan insurans dibuat.

Berdasarkan ayat 2 di atas yang sudah pun mengalami proses pengguguran kata pemeris *ialah*, didapati bahawa ayat 2 di atas tergolong sebagai ayat majmuk keterangan musabab yang boleh dikenal pasti cirinya melalui kehadiran kata hubung *kerana* itu sendiri. Walaupun ayat 2 di atas ini mudah ditelaah tanpa adanya kehadiran kata pemeris *ialah* tetapi dari sudut pragmatik, khususnya teori relevans, penggunaan kata pemeris *ialah* dalam ayat ternyata menjadikan ayat 1 mampu memperlihatkan dengan jelas ciri inheren persamaan atau ekuatif. Ciri inheren persamaan atau ekuatif ini pula dapat dibuktikan menerusi kata *alasan* yang terkandung dalam bahagian subjek ayat dengan kata hubung *kerana* yang diandaikan berada dalam domain yang sama. Hal ini bermakna kata *alasan* sememangnya boleh dikaitkan dengan kata hubung *kerana*. Apa yang pasti, ayat 1 juga terbukti tetap mudah untuk ditafsir dan seterusnya dapat membantu mengurangkan usaha memproses maklumat. Hakikatnya, semakin rendah usaha memproses, maka semakin relevanlah sesuatu ujaran itu.

Walaupun bagaimanapun, menyentuh pula definisi ayat majmuk keterangan itu sendiri, penulis mendapati bahawa definisi yang dikemukakan oleh Nik Safiah Karim et al. (2009) yang berkaitan dengan kata pemeris ternyata boleh dibahaskan semula berdasarkan contoh gelagat penggunaan kata pemeris *ialah* dalam ayat 1. Ayat majmuk keterangan menurut Nik Safiah Karim et al. (2009) merujuk kepada ayat yang terdiri daripada satu ayat induk dan satu ayat kecil atau lebih yang berfungsi sebagai keterangan kepada predikat. Kata pemeris pula menurut Nik Safiah Karim et al. (2009) merujuk kepada unsur yang menjadi pemeris hal atau perangkai antara subjek dengan frasa-frasa utama dalam predikat.

Sehubungan dengan itu, memandangkan dalam ayat 1 di atas, didapati bahawa kata pemeris *ialah* hadir di hadapan kata hubung *kerana*, maka definisi yang dikemukakan oleh Nik Safiah Karim et al. (2009) yang berkaitan dengan kata pemeris tidak terpakai sepenuhnya. Hal ini dikatakan demikian kerana fungsi kata pemeris *ialah* dalam ayat 1 bukanlah untuk menghubungkan bahagian subjek dan predikat tetapi sebenarnya berfungsi untuk menghubungkan bahagian klausa utama dan klausa kecil memandangkan kata pemeris *ialah* dalam ayat 1 didapati hadir selepas predikat ayat induk. Berikut merupakan contoh pembahagian antara klausa utama dengan klausa kecil dengan mengeksperimenkan ayat 2:

Klausa utama	: Alasan syarikat insurans (subjek <i>alasan</i> , predikat <i>syarikat insurans</i>)
Klausa kecil	: kerana harga pasaran bagi kenderaan yang dicuri itu hanya bernilai RM3,000 ketika tuntutan insurans dibuat

Berdasarkan contoh pembahagian antara klausa utama dengan klausa kecil seperti yang ditunjukkan di atas, dapat dinyatakan di sini bahawa kata pemeris *ialah* yang hadir dalam ayat 1 sememangnya terbukti berfungsi untuk menghubungkan klausa utama dan klausa kecil. Oleh hal yang demikian, jelaslah di sini bahawa fenomena gelagat penggunaan kata pemeris *ialah* yang hadir di hadapan klausa kecil seperti yang ditunjukkan dalam ayat 1 ternyata tidak boleh ditolak sama sekali dan seterusnya tidak boleh dianggap sebagai salah dan tidak gramatis. Walaupun Nik Safiah Karim et al. (2009) tidak pernah menghuraikan gelagat penggunaan kata pemeris *ialah* yang hadir di hadapan klausa kecil tetapi menurut pendapat penulis, gelagat penggunaan sebegini sebenarnya logik dan sememangnya boleh diterima pakai di samping boleh dianggap sebagai penemuan terbaharu dalam kajian tatabahasa.

Gelagat Penyimpangan (Anomali) Penggunaan Kata Pemeris Adalah

Di bawah ini pula dipaparkan contoh-contoh gelagat penyimpangan penggunaan kata pemeris *adalah*.

Kata Pemeris Adalah Hadir di Hadapan Frasa Nama

1. *Proses pengumpulan modal ****adalah**** proses terpenting peringkat awal pembangunan ekonomi mengikut teori pembangunan.

Pada dasarnya, bagi memastikan ayat 1 betul dari segi struktur tatabahasanya dan menjadikannya lebih gramatis seperti yang ditetapkan oleh Nik Safiah Karim et al. (2009), maka proses pembetulan pun perlu dilakukan. Sebagai contohnya adalah seperti yang berikut:

2. Proses pengumpulan modal *****ialah***** proses terpenting peringkat awal pembangunan ekonomi mengikut teori pembangunan.

Walaupun ayat 1 terbukti salah dari segi struktur tatabahasanya tetapi dari sudut pragmatik, khususnya teori relevans, aspek utama yang sentiasa diberi perhatian ialah prinsip relevan yang mensyaratkan sesuatu ujaran itu perlulah mudah untuk ditafsir bagi membantu mengurangkan usaha memproses maklumat. Hal ini dikatakan demikian kerana semakin rendah usaha memproses, maka semakin relevanlah sesuatu ujaran itu. Keadaan ini ternyata jelas dan dapat memperlihatkan bahawa ayat 1 sememangnya tetap mudah untuk ditafsir dan pada masa yang sama terbukti dapat membantu mengurangkan usaha memproses maklumat.

Seterusnya, penulis mendapati bahawa gelagat penggunaan kata pemerian *adalah* yang hadir di hadapan frasa nama seperti dalam ayat 1 di atas sebenarnya tidak menimbulkan sebarang masalah kepada sistem nahu atau tatabahasa bahasa Melayu. Apa yang pasti, aspek yang menimbulkan masalah kepada sistem nahu atau tatabahasa bahasa Melayu sebenarnya merujuk kepada huraian yang berkaitan dengan kata pemerian itu sendiri yang dikemukakan oleh ahli-ahli bahasa. Hal ini bermakna masalah kenahuan yang berkaitan dengan kata pemerian *adalah* ini sebenarnya berpunca daripada pensubkategorian (*subcategorisation*) yang dilakukan oleh ahli-ahli bahasa. Sebaliknya, bukannya berpunca daripada sikap masyarakat pengguna bahasa Melayu yang selama ini dikatakan enggan atau gagal mematuhi hukum tatabahasa.

Dalam erti kata yang lain, aspek kenahuan yang menimbulkan masalah kepada sistem tatabahasa bahasa Melayu sebenarnya berpunca daripada masalah kepelbagaian huraian yang berkaitan dengan kata pemerian yang dikemukakan oleh ahli-ahli bahasa. Sebaliknya, bukannya berpunca daripada masalah kepelbagaian gelagat penggunaan kata pemerian yang lazim digunakan oleh masyarakat. Kenyataan penulis ini boleh dibuktikan menerusi pensubkategorian (*subcategorisation*) kata pemerian yang dikemukakan oleh Hashim Haji Musa (1993). Menurut Hashim Haji Musa (1993), penggunaan kata pemerian kualitatif di hadapan kata kerja, tidak sesuai dari segi konteks pensubkategorian rapi perkataan itu yang berbentuk seperti yang berikut:

adalah, [+ K Pemerian < +kualitatif >, + - FN / FA / FS]

Walau bagaimanapun, pensubkategorian (*subcategorisation*) yang dikemukakan oleh Hashim Haji Musa (1993) ini ternyata tidak disokong oleh hujah-hujah yang kukuh dan sememangnya masih boleh dipersoalkan keabsahannya. Namun begitu, berbeza pula di dalam buku nahu pegangan yang jelas memperlihatkan bahawa Hashim Haji Musa sebagai salah seorang pengarangnya, kata pemerian *adalah* ditetapkan hanya boleh hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama. Keadaan ini ternyata jelas dan dapat membuktikan bahawa masalah kenahuan yang berkaitan dengan kata pemerian *adalah* ini sememangnya berpunca daripada pensubkategorian (*subcategorisation*) yang dilakukan oleh ahli-ahli bahasa itu sendiri. Memetik kata-kata daripada Za'ba (2000), ada pun tentang kesalahan-kesalahan yang ditunjukkan di sini (seperti memakai 'di', pada 'diwaktu ini, di hari ini, di masa sekarang, di zaman itu,' dan lain-lain kesalahan lagi), maka jika orang-orang Melayu sendiri sudah bersetuju suka akan dia, nescaya itulah akhirnya akan dikira betul - tiada siapa dapat menahannya walau orang-orang yang ahli bahasa tiada suka sekalipun. Sehubungan dengan itu, penulis ingin menegaskan bahawa bahasa itu sebenarnya milik kolektif masyarakat pengguna bahasa dan bukannya milik mutlak ahli-ahli bahasa.

Oleh hal yang demikian, jelaslah di sini bahawa fenomena gelagat penggunaan kata pemerian *adalah* yang hadir di hadapan frasa nama seperti yang ditunjukkan dalam ayat 1 di atas ternyata tidak boleh ditolak sama sekali dan seterusnya tidak boleh dianggap sebagai salah dan tidak gramatis. Walaupun Nik Safiah Karim et al. (2009) menolak gelagat penggunaan kata pemerian *adalah* yang hadir di hadapan frasa nama tetapi menurut pendapat penulis, gelagat penggunaan sebegini sebenarnya logik dan sememangnya boleh diterima pakai.

Kata Pemerian Adalah Hadir di Hadapan Frasa Kerja

1. *Pengurus Jabatan Pengujian dan Homologasi Proton, Tengku Azizan Tengku Ahmad, berkata matlamat utama program pemurnian *****adalah***** memberikan keselesaan daripada bunyi bising dan kawalan menyeluruh kepada pemandu.

Oleh sebab kata pemerian tidak boleh hadir di hadapan frasa kerja, maka kata pemerian *adalah* yang terkandung dalam ayat 1 di atas ini diandaikan perlu digugurkan. Sebagai contohnya adalah seperti yang berikut:

2. *Pengurus Jabatan Pengujian dan Homologasi Proton, Tengku Azizan Tengku Ahmad, berkata matlamat utama program pemurnian Ø memberikan keselesaan daripada bunyi bising dan kawalan menyeluruh kepada pemandu.

Keadaan ayat 2 apabila dilihat dari sudut pragmatik, khususnya teori relevans akan memperlihatkan bahawa pembaca berkemungkinan mengalami kesukaran bagi memahami konteks ayat 2 tersebut yang pada asalnya mendukung konteks pemerian yang memperlihatkan ciri inherean penjelasan atau penegasan atau kualitatif. Keadaan sebegini juga didapati mampu menyebabkan usaha memproses maklumat menjadi lebih tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana berbanding ayat 2 di atas ini yang sudah pun mengalami proses pengguguran kata pemerian *adalah*, didapati bahawa ayat 1 sememangnya terbukti lebih mudah untuk difahami kerana konteksnya yang ternyata jelas memfokuskan aspek pemerian yang memperlihatkan ciri inherean penjelasan atau penegasan atau kualitatif dengan adanya kehadiran kata pemerian *adalah* itu sendiri.

Hakikatnya, walaupun Nik Safiah Karim et al. (2009) menolak penggunaan kata pemerian *adalah* yang hadir di hadapan frasa kerja tetapi ketetapan mereka itu sebenarnya masih boleh dipersoalkan sama sekali dari segi keabsahannya kerana tidak disokong oleh hujah-hujah yang benar-benar kukuh yang seterusnya boleh dijadikan sebagai sandaran atau bukti yang nyata. Ironinya, sekiranya penggunaan kata pemerian *adalah* yang hadir di hadapan frasa kerja benar-benar dianggap sebagai menyalahi atau melanggar hukum tatabahasa bahasa Melayu tetapi sebaliknya, mengapakah pula ada ahli bahasa yang didapati tetap membenarkan penggunaan kata pemerian *adalah* di hadapan frasa kerja? Apa yang pasti, ahli bahasa yang dimaksudkan itu ialah Pitsamai Intarachat (1987). Walau bagaimanapun, kata kerja yang menjadi unsur inti kepada predikat frasa kerja yang diuraikan oleh Pitsamai Intarachat (1980) didapati hanya merujuk kepada kata kerja bukan perbuatan (*non-action verbs*) seperti kata kerja *merupakan, menjadi, bertujuan, dan berasal*.

Oleh hal yang demikian, jelaslah di sini bahawa fenomena gelagat penggunaan kata pemerian *adalah* yang hadir di hadapan frasa kerja seperti yang ditunjukkan dalam ayat 1 di atas ternyata tidak boleh ditolak sama sekali dan seterusnya tidak boleh dianggap sebagai salah dan tidak gramatis.

Kata Pemerian Adalah Hadir di Hadapan Klausa Kecil

1. *Saranan saya di sini ****adalah**** supaya bayaran kemasukan ke mana-mana IPT dikurangkan pada kadar yang munasabah agar tidak menjejaskan peluang pelajar yang berpendapatan rendah ke menara gading.

Oleh sebab huraian yang berkaitan dengan kata pemerian yang dikemukakan oleh Nik Safiah Karim et al. (2009) terbukti tidak mencakupi peringkat klausa, maka kata pemerian *adalah* yang hadir di hadapan kata hubung *supaya* itu sememangnya perlu digugurkan. Proses pengguguran kata pemerian *adalah* ini dilakukan bagi memastikan ayat 1 betul dari segi struktur tatabahasanya dan seterusnya menjadi lebih gramatis. Sebagai contohnya adalah seperti yang berikut:

2. Saranan saya di sini Ø supaya bayaran kemasukan ke mana-mana IPT dikurangkan pada kadar yang munasabah agar tidak menjejaskan peluang pelajar yang berpendapatan rendah ke menara gading.

Berdasarkan ayat 2 di atas yang sudah pun mengalami proses pengguguran kata pemerian *adalah*, didapati bahawa ayat 2 di atas tergolong sebagai ayat majmuk keterangan harapan yang boleh dikenal pasti cirinya melalui kehadiran kata hubung *supaya* itu sendiri. Walaupun ayat 2 di atas ini didapati betul dari segi struktur tatabahasanya dan lebih gramatis tetapi konteks ayat 2 didapati lebih memfokuskan konteks keterangan kepada predikat ayat induk yang boleh dikenal pasti menerusi kata hubung *supaya*. Sebaliknya, konteks ayat 1 didapati lebih memfokuskan konteks pemerian terhadap klausa utama oleh klausa kecil yang memperlihatkan ciri inherean penjelasan atau penegasan atau kualitatif yang boleh dikenal pasti menerusi kata pemerian *adalah* itu sendiri.

Pada masa yang sama, walaupun ayat 2 mudah ditelaah tanpa adanya kehadiran kata pemerian *adalah* tetapi dari sudut pragmatik, khususnya teori relevans, penggunaan kata pemerian *adalah* didapati mampu menjadikan ayat 1 lebih mudah untuk ditafsir. Apa yang pasti, ayat yang mudah untuk ditafsir terbukti dapat membantu mengurangkan usaha memproses maklumat. Hakikatnya, semakin rendah usaha memproses, maka semakin relevanlah sesuatu ujaran itu.

Seterusnya, memandangkan dalam ayat 1 kata pemerian *adalah* hadir di hadapan kata hubung *supaya*, maka definisi yang dikemukakan oleh Nik Safiah Karim et al. (2009) yang berkaitan dengan kata pemerian tidak terpakai sepenuhnya. Hal ini dikatakan demikian kerana fungsi kata pemerian *adalah* dalam ayat 1 bukanlah untuk menghubungkan bahagian subjek dan predikat tetapi sebenarnya berfungsi untuk menghubungkan bahagian klausa utama dan klausa kecil memandangkan kata pemerian *adalah* dalam ayat 1 didapati hadir selepas predikat ayat induk. Berikut merupakan contoh pembahagian antara klausa utama dan klausa kecil dengan mengekspresikan ayat 2:

Klausa utama	: Saranan saya di sini (subjek <i>saranan saya</i> , predikat <i>di sini</i>)
Klausa kecil	: supaya bayaran kemasukan ke mana-mana IPT dikurangkan pada kadar yang munasabah agar tidak menjejaskan peluang pelajar yang berpendapatan rendah ke menara gading

Berdasarkan contoh pembahagian antara klausa utama dan klausa kecil seperti yang ditunjukkan di atas, dapat dinyatakan di sini bahawa kata pemerian *adalah* yang hadir dalam ayat 1 sememangnya terbukti berfungsi untuk menghubungkan klausa utama dan klausa kecil. Oleh hal yang demikian, jelaslah di sini bahawa fenomena gelagat penggunaan kata pemerian *adalah* yang hadir di hadapan klausa kecil seperti yang ditunjukkan dalam ayat 1 ternyata tidak boleh ditolak sama sekali dan seterusnya tidak boleh dianggap sebagai salah dan tidak gramatis. Walaupun Nik Safiah Karim et al. (2009) tidak pernah menghuraikan gelagat penggunaan kata pemerian *adalah* yang hadir di hadapan klausa kecil tetapi menurut pendapat penulis, gelagat sebegini sebenarnya logik dan sememangnya boleh diterima pakai di samping boleh dianggap sebagai penemuan terbaru dalam kajian tatabahasa.

Kesimpulan

Tuntasnya di sini, penelitian terhadap gelagat penggunaan kata pemerian *ialah* dan *adalah* ini yang dijana daripada pangkalan data korpus lima juta UKM-DBP memperlihatkan bahawa walaupun penggunaan kedua-dua kata pemerian ini amat terbatas menurut Nik Safiah Karim et al. (2009) tetapi sebaliknya penggunaannya ternyata semakin meluas dan produktif. Seterusnya, keadaan ini jelas memperlihatkan bahawa sememangnya terdapat perbezaan yang jelas ketara antara tatacara penggunaan kata pemerian seperti yang ditetapkan oleh buku nahu pegangan, iaitu *Tatabahasa Dewan* dengan gelagat penggunaan sebenar yang terdapat di dalam pangkalan data korpus lima juta UKM-DBP itu sendiri. Sehubungan dengan itu, pengkaji berpendapat bahawa gelagat penggunaan sebenar kata pemerian yang tidak mematuhi rumus atau peraturan seperti yang ditetapkan oleh buku nahu pegangan, iaitu *Tatabahasa Dewan* tidak boleh ditolak sama sekali. Pada masa yang sama, gelagat penggunaan tersebut tidak boleh dianggap sebagai salah dan tidak gramatis.

Rujukan

- Asmah Haji Omar dan Rama Subbiah. 1968. *An introduction to Malay grammar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1980. *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Nahu kemas kini*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azhar M. Simin. 1993. *Sintaksis wacana "yang" dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Haji Musa. 1993. *Binaan dan fungsi perkataan dalam bahasa Melayu: Suatu huraian dari sudut tatabahasa generatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris Aman. 2008. Kata pemerian adalah dan ialah. Dlm. *Aspek nahu praktis bahasa Melayu*, disunting oleh Zaharani Ahmad. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Imran Ho-Abdullah. 2002. Analisis semantik kognitif penyataan perbandingan: Lebih atau kurang. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Pengajian Melayu Kedua, 8-15 Oktober, China.
- Leech, G.N. 1992. Corpus linguistics and theories of linguistics performance. *Proceedings of Nobel Symposium 82, Stockholm* 105-122.
- Mohd. Azemi Mohd. Yusoff. 1998. Makna kata pemerian dalam ayat. *Jurnal Dewan Bahasa* 42: 588-596.
- Nik Safiah Karim. 2007. *Liku-liku bahasa: Ke arah penggunaan bahasa yang baik, betul, dan indah*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, dan Abdul Hamid Mahmood. 1986. *Tatabahasadewan*. Jilid I. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, dan Abdul Hamid Mahmood. 2009. *Tatabahasadewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2007. *Bahasa dalam perniagaan: Satu analisis semantik dan pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pitsamai Intarachat. 1987. *Sintaksis predikat dalam bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sperber, D. dan Wilson, D. 1986. *Relevance: Communication and cognition*. Oxford: Basil Blackwell.
- Sperber, D. dan Wilson, D. 1999. *Relevans: Komunikasi dan kognisi*. Terj. Nor Hashimah Jalaluddin, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. 2008. Data korpus dan nahu praktis. Dlm. *Aspek nahu praktis bahasa Melayu*, disunting oleh Zaharani Ahmad. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Zaharani Ahmad. 2013. Nahu praktis bahasa Melayu: Menangani kepelbagaian mencari keserasian. Syarahan dibentangkan di Syarahan perdana profesor, anjuran Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 15 Mac, Bangi, Selangor.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 1957. *Pelita bahasa Melayu: Penggal III*. London: Macmillan and Company Limited.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 2000. *Pelita bahasa Melayu: Penggal I-III*. Edisi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.